

524 kes denggi minggu lepas

KUALA LUMPUR – Sebanyak 524 kes demam denggi dengan satu kematian dilaporkan sepanjang tempoh seminggu bermula 12 hingga 18 Disember lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Mohd. Ismail Merican berkata, ia meningkat kepada 26 kes berbanding 498 kes pada minggu sebelumnya.

“Satu kematian yang dilaporkan pada minggu lalu adalah dari Johor Bahru disebabkan demam denggi berdarah,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, jumlah kes terkumpul bagi Januari hingga 18 Disember ialah 45,165 berbanding 39,794 kes bagi tempoh yang sama pada tahun lalu.

Kata Mohd. Ismail, kes kematian



akibat denggi meningkat sebanyak 58 peratus dengan 49 kematian menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 133 kematian berbanding 84 dalam tempoh yang sama pada 2009.

Tambahnya, lapan negeri menunjukkan peningkatan iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya sebanyak 19 kes; Perak dan Pulau Pinang (16 kes); Kelantan (lapan kes); Selangor (tujuh kes), Pahang (lima kes); Sabah (empat kes) dan Perlis (dua kes).

Dalam pada itu, Mohd. Ismail memberitahu, kes chikungunya menurun sebanyak 85 peratus berbanding 5,340 kes bagi tempoh yang sama pada tahun lalu menjadikan jumlah terkumpul sebanyak 804 kes.